



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 2 Tahun 2021

PELAKSANAAN DASAR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (DICT) VERSI 2.0 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DICT) versi 2.0 Universiti Teknologi MARA (UiTM).
2. Dasar ICT UiTM diwujudkan bagi memastikan penggunaan sumber dan aset ICT universiti oleh warga universiti, dari segi infrastruktur, sistem aplikasi, kemudahan ICT serta data, adalah mengikut peraturan dan undang-undang demi menjadikan persekitaran ICT UiTM berkualiti tinggi dan selamat bagi melindungi dan menjamin keselamatan aset universiti.

LATAR BELAKANG

3. Peraturan-peraturan dalam Dasar ICT memberi panduan kepada pengguna aset dan sumber ICT universiti, sama ada dari kalangan warga universiti atau pihak luar untuk menggunakan kemudahan yang diberikan secara berhemah dan menjaga keselamatan aset ICT dari segi perkakasan, perisian dan maklumat.

4. Pelaksanaan dokumen Dasar ICT versi 1.0 telah mendapat persetujuan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 14 Mac 2018 dan berkuat kuasa pada 2 Julai 2018 setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
5. Selaras dengan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan, kepentingan sosial dan dasar kerajaan serta bagi memastikan DICT UiTM sentiasa relevan maka dokumen Dasar ICT versi 1.0 telah ditambah baik kepada Dasar ICT versi 2.0.

6. Pada 23 Disember 2020 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.43/2020 telah meluluskan pelaksanaan Dasar ICT versi 2.0 (DICT V2.0) Universiti Teknologi MARA.

PELAKSANAAN

7. Pelaksanaan Dasar ICT versi 2.0 adalah penting bagi memastikan penggunaan sumber dan aset ICT universiti adalah mengikut peraturan dan undang-undang semasa.

8. Semua pengguna dianggap telah mengetahui, membaca, memahami dan mematuhi Dasar ICT UiTM. Penggunaan kemudahan ICT universiti selain daripada maksud dan tujuan yang telah ditetapkan merupakan satu penyalahgunaan.

9. Sebarang pelanggaran dasar dan peraturan oleh pengguna akan dikenakan tindakan berdasarkan kepada jenis pelanggaran mengikut undang-undang semasa yang berkuatkuasa jika disabit kesalahan.

CAPAIAN DOKUMEN

10. Dokumen Dasar ICT versi 2.0 boleh dimuat turun melalui capaian <https://ppii.uitm.edu.my/>.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

12. Pekeliling ini dikeluarkan pada 19 Mac 2021.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 April 2021.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuatkuasa pekeliling ini maka Dasar ICT versi 1.0 adalah terbatal.



PROF. DATO' TS. DR. HAJI MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Merangkap Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer-CIO*)

Dikelilingkan kepada:

Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Warga UiTM

Bil. Fail: 100-PPII (PTA 6/7/3)
No. Siri: Pekeliling TNC (Pembangunan)